



GEOTAPAK GUA WANG BULUH WANG BULUH CAVE GEOSITE




www.langkawigeopark.com.my

Gua Wang Buluh terletak pada sekitar 150 m di atas paras laut semasa di bahagian utara Pulau Tuba. Gua ini terbentuk daripada batu kapur Formasi Setul berusia zaman Ordovisi-Devon Tengah (490-390 juta tahun dahulu). Gua ini adalah antara yang tercantik di Langkawi dengan pelbagai binaan gua (speleothem) yang terawet dengan baik. Gua ini terdiri daripada beberapa bilik di dua tingkat yang berlainan, masing-masing dengan pelbagai stalaktit, stalagmit, tiang, tirai gua dan batu alir. Perjalanan sepanjang rintis ke gua ini mengambil masa sekitar 45 minit melalui habitat batu kapur.

Murai batu siul (Myophonus caeruleus; famili Muscicapidae) sering dilihat di dalam gua ini. Burung ini mempunyai tabiat membawa makanan seperti sifut ke dalam gua untuk mengetuk cengkerang dan memakan isinya. Sebelum sampai ke gua, ada tebing menegak batu kapur yang dihuni oleh koloni lebah madu. Segelintir penduduk kampung mahir sanggup menyabung nyawa untuk menuai madu di situ bagi memanfaatkan sumber asli ini.

Wang Buluh Cave is located about 150 m above sea level in the northern part of Tuba Island. This cave was formed in the Setul limestone of the Ordovician- Devonian period (490–390 million years ago). This cave is one of the most beautiful caves in Langkawi with various cave structures (speleothems) that are well preserved. The cave comprises several chambers on two levels, each with various stalactites, stalagmites, pillars, curtains and flowstones. The trail to this cave takes about 45 min through the limestone habitat.

The Whistling stone magpie (Myophonus caeruleus; Family Muscicapidae) is often seen in the cave. This bird has a habit of bringing food, such as snails into the cave to knock the shells and eat its contents. Before reaching the cave, there is a limestone cliff inhabited by honey bee colonies. Several skilled villagers take high risk to harvest this honey for subsistence.



▲ Antara struktur binaan gua yang boleh dilihat di dalam Gua Wang Buluh ialah stalagtit, stalakmit dan tiang yang masih utuh
Among the cave structures that can be seen in Wang Buluh Cave are stalagmites, stalactites and pillars that are still intact



▼ Rintis ke Gua Wang Buluh
Trail to Wang Buluh Cave



▲ Murai Batu Siul
Blue whistling thrush
(*Myophonus caeruleus*; famili Muscicapidae)



▲ Pemandangan dari platform
View from the platform

